

Sukatan Usrah Dalam Membentuk Akhlak Mulia: Kajian Di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman (Satu Dapatan Awal)

Usrah Syllabus In The Form Of Good Behavior Character Among Students: Research In Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman (An Early Findings)

Norafidah Binti Gordani¹
Prof. Madya Dr Abdul Ghafar Bin Don²

ABSTRAK

Sukatan usrah yang memberi penekanan terhadap tauhid, ibadah, akhlak dan sirah telah diterapkan dalam pelaksanaan usrah di sekolah-sekolah dengan matlamatnya untuk menangani pelbagai isu gejala sosial serta keruntuhan akhlak pelajar-pelajar Islam pada hari ini. Oleh itu, artikel ini bertujuan mengetahui keberkesanan sukatan usrah dalam membentuk akhlak mulia di kalangan pelajar. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian awal ini dijalankan ke atas 30 orang pelajar tingkatan tiga, empat dan lima Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring telah dipilih secara rawak mudah sebagai sampel kajian. Data-data dianalisis melalui program SPSS versi 22.0 yang menggunakan statistik deskriptif. Hasil tinjauan mendapati bahawa secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap sukatan usrah dan penghayatan akhlak mulia di kalangan pelajar melalui pelaksanaan usrah berada pada tahap baik. Manakala, kajian mendapati bahawa nilai min berada pada tahap sederhana, melibatkan kelemahan usrah dari sudut kesesuaian masa, tempoh pelaksanaan usrah, sukatan usrah yang terlalu berat, juga beberapa kelemahan melibatkan peranan pembimbing usrah atau Naqib dalam mengendalikan usrah. Implikasi daripada kajian ini diharap mampu memberikan sumbangan yang signifikan ke arah usaha membantu institusi pendidikan untuk memperbaiki dan memperkasakan program usrah agar berjaya mencapai matlamatnya membentuk akhlak mulia pelajar.

Kata kunci : *Sukatan, Usrah, Akhlak Mulia, Pelajar*

ABSTRACT

Usrah syllabus that gives emphasis on faith, worship, morality and Islamic history is have been applied in the implementation of usrah in schools with the goal to tackle the various issues of social ills and moral collapse among Islamic students today. Therefore, this article seeks to find out the effectiveness of usrah syllabus in the form of good behavior character among students. The study on the quantitative research using questionnaires as the instrument. A total of 30 students from Form Three, four and five, Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring been selected randomly as the sample. The data were analyzed by the program SPSS version 22.0 using descriptive statistics. The survey found that overall perception of the measure usrah and appreciation of good behavior among students through the implementation of usrah was good. While, the study found that there are

¹ Norafidah Binti Gordani, Calon Siswazah Program Sarjana Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), e-mel: abid_dhaif@yahoo.com;

² Abdul Ghafar bin Don, Profesor Madya, Dr, Pensyarah Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), e-mel: a.g.don@ukm.edu.my.

weaknesses in the implementation of the usrah that needs improvement. Meanwhile, the study found that the mean value at a moderate level, involving weakness of the timing of the implementation period usrah, usrah measure is too severe, also some disadvantages involving Naqib's role in controlling usrah. The implications of this study are expected to be able to make a significant contribution towards helping educational institutions to improve and strengthen the usrah program achieved its objectives to establish good behavior among students.

Keywords : *Syllabus, Usrah, Behavior Character, Students*

Pendahuluan

Golongan remaja seringkali dikaitkan dengan gejala sosial, ini kerana, remaja merupakan peringkat fasa usia seseorang berada pada tahap ingin mencuba sesuatu yang baru dan sukakan perubahan. Namun, amat membimbangkan kerana golongan inilah yang akan memimpin negara dan agama. Oleh itu, mereka wajib dibekalkan dengan penerapan akhlak mulia serta keimanan kepada Allah SWT (Nordin et al. 2011). Pembentukan akhlak mulia ini haruslah diterapkan dari peringkat awal yang meliputi aspek emosional, intelektual, spiritual mahupun aspek aplikasi dalam kehidupan seharian. Pembentukan akhlak ini sudah tentu melalui penerapan Al-Quran dan As-Sunnah. (Noor Azilah, 2015)

Istilah 'usrah' sebenarnya telah diperkenalkan oleh Mujaddid Islam Sheikh Hassan al-Banna. Istilah 'usrah' diguna pakai kerana melihat kepada pendekatan dakwah Rasulullah SAW dengan mengumpulkan kelompok yang kecil yang bermula dari keluarga terdekat dan seterusnya kepada masyarakat sejagat (Norsaadah et al. 2012). Pendekatan usrah ini telah diteruskan sehingga pertengahan abad ke-20, dan ianya mencapai zaman kegemilangan di bawah gerakan Islam terbesar Mesir, Ikhwanul Muslimin yang dipimpin oleh Mujaddid Sheikh Imam Hassan al-Banna (Sulaiman Ibrahim, 2000).

Imam Hassan al-Banna telah menyusun dengan teliti manhaj usrah sehinggakan usaha beliau itu dapat kita lihat sehingga ke hari ini. Menurut Imam Hassan al-Banna, di antara matlamat umum usrah adalah menanam perasaan bangga terhadap Islam dan beriltizam dengan adab-adab dan akhlak-akhlak Islam (Sulaiman Ibrahim, 2000).

Usrah sudah sinonim dengan sistem pendidikan sekolah-sekolah di Malaysia. Pelaksanaan program usrah di institusi pendidikan di Malaysia juga tidak tertumpu hanya di sekolah-sekolah kerajaan, bahkan institusi pendidikan swasta dan persendirian, maahad tahfiz, madrasah dan seumpamanya juga turut melaksanakan program usrah sebagai platform kepada mencapai matlamat utama pendidikan Islam iaitu pembentukan akhlak mulia di kalangan pelajar. Usrah merupakan salah satu platform yang berkesan untuk membentuk akhlak pelajar agar memiliki peribadi Muslim yang sejati. Dalam masa yang sama dapat memantapkan lagi kefahaman tentang fikrah Islam (Mohd Nafizul, 2016).

Pelaksanaan Program usrah di sekolah-sekolah Agama Kebangsaan (SMKA) di Malaysia telah diseragamkan oleh kerajaan melalui Badan Agama Dakwah Akhlak & Rohani (BADAR). Program BADAR ini telah menggunakan sukatan usrah yang seragam sejak tahun 2006. (Nordin et al. 2012). Kemudian, pelaksanaan sistem usrah ini telah dipelbagaikan pelaksanaannya mengikut acuan dan matlamat yang ingin dicapai. (Ahmad Luqman Fahmi, 2013). Pelaksanaan usrah berupaya meningkatkan akhlak pelajar secara sistematik. Ini kerana program usrah yang dijalankan menggariskan matlamat yang tertentu dan bersistematik khususnya dalam usaha meningkatkan akhlak pelajar (Nordin et al. 2011).

Pelaksanaan usrah ini sebenarnya mampu memenuhi harapan kerajaan dalam merealisasikan pembangunan modal insan terutamanya dari aspek pembangunan akhlak serta keperibadian diri di samping membudayakan nilai-nilai moral dalam masyarakat. Sukatan usrah yang memberi penekanan terhadap tauhid, ibadah, akhlak dan sirah dilihat amat sesuai dilaksanakan seiring dengan usaha untuk menangani pelbagai isu gejala sosial serta keruntuhan akhlak pelajar-pelajar Islam pada hari ini (Fakhrul Adabi et al (2010).

Pelaksanaan Program usrah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di bawah Badan Agama Dakwah Akhlak & Rohani (BADAR) telah menggunakan sukatan usrah yang seragam sejak tahun 2006. (Muhammad Nordin et al, 2012) Pelaksanaan program usrah ini diharap dapat memenuhi harapan kerajaan dalam merealisasikan pembangunan modal insan terutamanya dalam aspek pembangunan akhlak dan moral remaja. (Fakhrul Adabi et al, 2010). Sekolah merupakan institusi yang sesuai dan mudah untuk menghimpunkan para pelajar seterusnya melaksanakan pelbagai aktiviti keagamaan termasuklah program usrah. Program Usrah Pelajar adalah satu bentuk kegiatan dan pengisian yang paling mustahak diwujudkan serta digerakkan di sekolah (Salini 2009, Mohd Said et al. 2011). Peningkatan sahsiah secara sistematik dan melalui peringkat-peringkat tertentu boleh diperolehi dengan mengikuti program usrah kerana program usrah yang dijalankan mempunyai matlamat yang tertentu khususnya dalam usaha meningkatkan akhlak pelajar (Mohd Said et al, 2011).

Kajian oleh Salini (2009) ke atas pelajar SMKA (P) Al-Mashoor mendapati secara keseluruhannya, responden memberikan persepsi yang positif terhadap aktiviti usrah yang dijalankan serta memberi maklum balas yang baik terhadap keberkesanan aktiviti usrah. Kenyataan ini disokong oleh kajian Fakhrul Adabi et al. (2010) yang dijalankan ke atas 218 orang pelajar KISAS. Dapatan membuktikan bahawa pelaksanaan program usrah berjaya menjadi platform utama dalam proses tarbiah dan pembentukan akhlak mulia di kalangan pelajar di KISAS.

Pelaksanaan Usrah di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman

Usrah merupakan salah satu daripada Program Tarbiyah yang dijalankan di MTT. Di bawah program Tarbiyah terdapat juga *Daurah Mukathafah, Tamrin, Mukhayyam* dan sebagainya. (Wan Shamsuddin, 2016). Usrah adalah salah satu medan / platform yang berkesan untuk membentuk keperibadian pelajar yang mempunyai peribadi Muslim yang sejati, dalam masa yang sama dapat memantapkan lagi kefahaman tentang fikrah Islam. Dalam usrah juga para pelajar berpeluang untuk berkongsi ilmu serta pengalaman dan dapat mengeratkan lagi ukhuwwah sesama pelajar. (Mohd Nafizul, 2016)

Dengan adanya program usrah ini, pelajar diberi pendedahan berkenaan pentingnya supaya berakhlak sepertimana yang dianjurkan oleh Nabi S.A.W. Ia juga dapat meningkatkan sahsiah yang unggul dalam melatih pelajar menghayati cara hidup Islam. Ia juga sebagai pendedahan awal tentang kepentingan tauhid rububiyah dalam masa yang sama menjadikan Rasulullah SAW sebagai Qudwah Hasanah serta memahami perjuangan dakwah Nabi sebagai persediaan menghadapi dunia yang penuh dengan cabaran. Dengan pelaksanaan usrah yang berkesan ini Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang berakhlak mulia supaya dapat dicontohi oleh masyarakat. (Mohd Nafizul, 2016)

Perlaksanaan usrah ini diharap mencapai matlamat penubuhan Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring iaitu untuk melahirkan generasi Muslim yang menghafal Al-Quran dan berpegang pada ajaran-Nya, membentuk para ulama dan pemimpin masa depan yang menguasai ilmu dan maklumat untuk kebaikan dunia dan akhirat. (Mohd Nafizul, 2016)

Persoalannya, adakah pelaksanaan usrah yang telah dijalankan di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring MTT telah mencapai objektifnya, iaitu membentuk akhlak mulia di kalangan pelajar? Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan usrah ini? Oleh itu,

Objektif Kajian

1. Mengkaji persepsi pelajar tentang keberkesanan sukatan usrah dalam membentuk akhlak mulia di kalangan pelajar.
2. Mengenal pasti tahap penghayatan pelajar terhadap usrah.
3. Mengenal pasti kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan usrah di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring.

Jadual 1: Sukatan Usrah MTT

Bil.	Sasaran	Sukatan	Pelaksana
1	Usrah Naqib	Menggunakan Kitab ' <i>Mazā Ya'nī Intimāī Fil Islām</i> ' Oleh Fathi Yakan.	Para Asatizah (Khusus Untuk Naqib Ting. 4 dan 5
2	Usrah Pelajar (1-5)	Berbentuk penyampaian tazkirah dan perkongsian ilmu.	Pelajar Ting. 4 dan 5
3	Usrah Pelajar (Setiap Hari Rabu)	Menggunakan Kitab ' <i>Sīrah Nabawīyyah</i> ' Oleh Dr Mustafa Syibaie	Tenaga Pembimbing Jemputan.

Sumber: Dipetik dari (Temubual Pada 7 November 2016 Bersama Ustaz Mohd Nafizul Ismail, Ketua Tarbiyyah MTT)

Metodologi Kajian

Kajian rintis yang dibuat ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang hendak digunakan. Di samping itu, kajian rintis ini juga adalah untuk memastikan soal selidik yang diedarkan kepada sampel sebenar adalah berkualiti. Analisis daripada kajian dibuat dengan menggunakan ujian reliability pada program *Statistical Package for The Social Sciences* (SPSS) versi 22.0. Kebolehpercayaan item-item ditunjukkan oleh nilai *cronbach alpha* 0 hingga 1.0. Makin besar nilai pekali sesuatu item, maka semakin tinggi darjah kebolehpercayaan item tersebut. Pekali kebolehpercayaan *cronbach alpha* pada keseluruhan 46 item ini ialah 0.956. Setelah kajian rintis dijalankan, penyelidik membuat beberapa perubahan dari sudut bahasa yang digunakan agar pelajar lebih mudah memahami soalan untuk kajian yang sebenar kelak. Kebolehpercayaan (*reliability*) item soal selidik diperoleh daripada pekali *Cronbach Alpha* dan dijalankan menggunakan *Statistical Package for The Social Sciences* (SPSS). Menurut Sekaran (2000), nilai koefisien di antara 0.6 sehingga 0.8 ialah diterima manakala nilai melebihi 0.8 dianggap baik (Rosinan Edinin, 2012)

Jadual 2: Cronbach Alpha untuk keseluruhan item

Total Reliability Statistics	
Cronbach's Alpha	N of Items
.956	46

Jadual 2: Nilai "Cronbach Alpha"

	Nilai Cronbach Alpha
Pembolehubah	
Persepsi terhadap silibus usrah	0.944
Penghayatan pelajar terhadap usrah	0.943
Kelemahan dalam pelaksanaan usrah	0.895
Keseluruhan Item	0.956

Jadual 3: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Nilai Cronbach Alpha	Indikator kebolehpercayaan
>0.80	Baik
0.80 – 0.60	Boleh diterima
< 0.60	Tidak boleh diterima

Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada Sekaran (2000)

Jadual 2 menunjukkan darjah kebolehpercayaan yang diperolehi daripada setiap konstruk instrumen berkaitan silibus usrah dalam membentuk akhlak mulia di kalangan pelajar, kajian di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman Tok Jiring, Terengganu, hasil daripada kajian rintis yang telah dijalankan. Dapatan ujian rintis ini mendapati bahawa setiap aspek instrumen mempunyai nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.8. Oleh itu, berdasarkan nilai yang diperolehi bagi setiap aspek instrumen dalam kajian rintis adalah melebihi 0.8, maka jelaslah bahawa soal selidik ini berada pada tahap yang baik dan boleh diguna pakai untuk kajian ini.

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik berbentuk tertutup berskala Likert. Mengandungi lima skala iaitu 5, sangat setuju, 4, setuju, 3, tidak pasti, 2, tidak setuju dan 1, sangat tidak setuju. Borang soal selidik ini diedarkan kepada 30 orang pelajar tingkatan tiga, empat dan lima Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring yang dipilih secara rawak mudah sebagai sampel kajian ini.

Data-data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan Program Pengisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 22.0. Data dianalisis dengan mengambil kira kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Sementara itu, nilai interpretasi min adalah seperti berikut:

Jadual 4: Interpretasi Nilai Min

Nilai Min	Interpretasi min
1.00 – 1.80	Sangat tidak baik
1.81 – 2.60	Tidak baik
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat tinggi

Sumber: Dipetik dan diubah dari (Jainabee & Jamil, 2009)

Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan soal selidik bahagian B, iaitu berkaitan persepsi pelajar terhadap sukatan usrah yang menunjukkan ia berada di tahap yang tinggi. Ini dapat dilihat berdasarkan nilai min keseluruhan iaitu sebanyak 3.96. Begitu juga pada nilai min keseluruhan di bahagian C, iaitu tahap penghayatan pelajar terhadap usrah. Nilai min adalah 3.73 juga berada di tahap yang tinggi. Manakala di bahagian D pula, nilai min 2.9 iaitu berada di tahap sederhana.

Jadual 5: B. PERSEPSI PELAJAR TERHADAP SUKATAN USRAH

No.	Penyataan	STS	TS	TP	S	SS	MIN	SP
1	Sukatan Usrah berkesan dalam membentuk pelajar saling hormat-menghormati kepada guru dan rakan.	3.3% (1)		13.3% (4)	50% (15)	33.3 % (10)	4.10	0.8
2	Sukatan Usrah berkesan dalam membentuk pelajar yang mematuhi peraturan-peraturan disiplin di MTT.	3.3% (1)	10% (3)	10% (3)	50% (15)	26.7 % (8)	3.87	1.04
3	Sukatan Usrah berkesan dalam membentuk pelajar yang sentiasa menghargai jasa.	3.3% (1)		23.3% (7)	50% (15)	23.3 % (7)	3.9	0.88
4	Sukatan Usrah berkesan dalam membentuk pelajar yang menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi dengan kawan dan guru.	3.3% (1)	13.3 % (4)	10% (3)	43.3 % (13)	30% (9)	3.8	1.12
5	Sukatan Usrah berkesan dalam membentuk pelajar yang berperwatakan baik dan mulia.	3.3% (1)		20% (6)	56.7 % (17)	20% (6)	3.9	0.84
6	Sukatan Usrah berkesan dalam membentuk pelajar yang mengerjakan solat pada tepat waktunya.	6.7% (2)		13.3% (4)	40% (12)	40% (12)	4.1	1.08
7	Sukatan Usrah berkesan dalam melahirkan pelajar yang sentiasa melakukan amalan zikir dan doa berterusan.	3.3% (1)	3.3% (1)	36.7% (11)	36.7 % (11)	20% (6)	3.67	0.96
8	Sukatan Usrah berkesan dalam membentuk pelajar yang berpakaian menutup aurat	3.3% (1)	3.3% (1)	20% (6)	30% (9)	43.3 % (13)	4.07	1.05
9	Sukatan Usrah berkesan dalam membentuk pelajar yang bersikap positif dan proaktif dalam kelas.	3.3% (1)	3.3% (1)	30% (9)	33.3 % (10)	30% (9)	3.83	1.02
10	Sukatan Usrah berkesan dalam membentuk pelajar yang berkeyakinan dan tidak mudah terpengaruh dengan budaya Barat yang bertentangan dengan Islam.	3.3% (1)	3.3% (1)	16.7% (5)	43.3 % (13)	33.3 % (10)	4.0	0.98
11	Sukatan Usrah berkesan dalam membentuk pelajar yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni	3.3% (1)	3.3% (1)	26.7% (8)	50% (15)	16.7 % (5)	3.73	0.91

	dalam kehidupan harian.							
12	Sukatan Usrah berkesan dalam membentuk pelajar yang tetap pendirian dalam mempertahankan keputusan yang berlandaskan kepada agama.	3.3% (1)		20% (6)	40% (12)	36.7% (11)	4.07	0.94
13	Sukatan Usrah berkesan dalam membentuk pelajar yang mempunyai semangat juang yang tinggi.	3.3% (1)		36.7% (11)	26.7% (8)	33.3% (10)	3.87	1.01
14	Sukatan Usrah berkesan dalam menjadikan saya berpegang teguh kepada rukun Iman, Islam dan konsep Ihsan	3.3% (1)	3.3% (1)	6.7% (2)	43.3% (13)	43.3% (13)	4.2	0.96
15	Saya percaya bab-bab dalam Sukatan Usrah berkesan dalam membentuk pelajar yang berperwatakan mulia.	3.3% (1)		6.7% (2)	53.3% (16)	36.7% (11)	4.2	0.85
Jumlah							3.96	0.73

Sumber: dipetik dan diubahsuai dari (Tesis Sarjana, Zaki 2009)

Jadual 6: C. PENGHAYATAN TERHADAP USRAH

No.	Penyataan	STS	TS	TP	S	SS	MIN	SP
1	Saya beramal dengan sifat sabar dalam menjalankan tugas yang diberikan oleh para guru.	6.7% (2)		26.7% (8)	53.3% (16)	13.3% (4)	3.67	0.96
2	Bersikap jujur menjadi amalan saya dalam pergaulan.	6.7% (2)	3.3% (1)	36.7% (11)	46.7% (14)	6.7% (2)	3.43	0.93
3	Saya tidak mudah marah apabila saya ditegur oleh guru.	3.3% (1)	3.3% (1)	36.7% (11)	40% (12)	16.7% (5)	3.63	0.93
4	Saya sentiasa bekerjasama dengan kawan-kawan dalam menyiapkan kerja kursus yang diberikan oleh guru.	3.3% (1)		6.7% (2)	56.7% (17)	33.3% (10)	4.17	0.83
5	sentiasa menepati janji.	3.3% (1)	3.3% (1)	60% (18)	20% (6)	13.3% (4)	3.37	0.89
6	Saya mempunyai sifat malu terhadap diri sendiri sekiranya apa yang saya lakukan menyalahi dengan perintah Allah SWT.	3.3% (1)		6.7% (2)	56.7% (17)	33.3% (10)	4.17	0.83
7	Bersikap lemah lembut adalah amalan saya dengan guru dan rakan-rakan.	3.3% (1)	3.3% (1)	36.7% (11)	33.3% (10)	23.3% (7)	3.7	0.99
8	Saya sentiasa bersifat rendah diri terhadap rakan sebaya.	3.3% (1)		33.3% (10)	46.7% (14)	16.7% (5)	3.73	0.87
9	Saya sangat bersimpati kepada rakan sekiranya mereka berdepan	3.3% (1)	6.7% (2)	16.7% (5)	50% (15)	23.3% (7)	3.83	0.99

	dengan masalah.							(7)
10	Saya sentiasa patuh kepada arahan guru.	3.3% (1)		33.3% (10)	43.3% (13)	20% (6)	3.77	0.9
11	Saya sentiasa menjaga bahasa dan tutur kata.	6.7% (2)		43.3% (13)	36.7% (11)	13.3% (4)	3.5	0.98
12	Saya suka kepada bersifat adil (tidak bohong) dalam berbicara dengan para pensyarah dan rakan.	3.3% (1)		50% (15)	36.7% (11)	10% (3)	3.5	0.82
13	Saya bergaul dengan baik terhadap rakan sebaya.	3.3% (1)	6.7% (2)	16.7% (5)	63.3% (19)	10% (3)	3.7	0.88
14	Tidak mudah berputus asa dalam mengejar cita-cita adalah sifat yang baik. Saya amalkannya dalam kehidupan saya.	3.3% (1)		20% (6)	46.7% (14)	30% (9)	4	0.91
15	Saya sentiasa menjaga adab dan batas pergaulan saya di MTT.	3.3% (1)	3.3% (1)	16.7% (5)	46.7% (14)	30% (9)	3.97	0.96
16	Saya mengamalkan kebersihan diri di dalam kehidupan saya di MTT.	3.3% (1)		13.3% (4)	43.3% (13)	40% (12)	4.12	0.91
17	Saya tidak bersikap sombong sekiranya saya menerima satu-satu anugerah.	3.3% (1)		20% (6)	46.7% (14)	30% (9)	4	0.91
18	Saya tidak melakukan perkara-perkara yang melanggar disiplin MTT.	3.3% (1)		46.7% (14)	36.7% (11)	13.3% (4)	3.57	0.86
19	Saya tidak pernah bergaduh		10% (3)	46.7% (14)	26.7% (8)	3.3% (1)	2.97	1.03
20	Saya tidak pernah menonton hiburan yang bertentangan dengan agama Islam seperti yang berunsurkan adegan lucah.	3.3% (1)		40% (12)	50% (15)	6.7% (2)	3.57	0.77
21	Saya menyedari perwatakan mulia adalah sifat orang beriman	3.3% (1)		16.7% (5)	50% (15)	30% (9)	4.03	0.89
Jumlah							3.73	0.62

Sumber: dipetik dan diubahsuai dari (Tesis Sarjana, Zaki 2009)

Jadual 7: D. CABARAN PELAKSANAAN USRAH

No.	Penyataan	STS	TS	TP	S	SS	MIN	SP
1	Pengisian usrah terlalu berat	10% (3)	16.7% (5)	50% (15)	20% (6)	3.3% (1)	2.9	0.96
2	Pengisian usrah tidak bersifat semasa	16.7% (5)	13.3% (4)	46.7% (14)	20% (6)	3.3% (1)	2.8	1.06
3	Hubungan sesama ahli usrah tidak mesra	10% (3)	23.3% (7)	46.7% (14)	20% (6)		2.77	0.9

			(7)					
4	Latihan usrah lebih bersifat arahan berbanding didikan	10% (3)	16.7 (5)	33.3% (10)	36.7 (11)	3.3 (1)	3.01	1.05
5	Para Naqib/ Naqibah tidak pandai menghidupkan suasana menarik di dalam usrah	13.3% (4)	23.3 (7)	36.7% (11)	20% (6)	6.7 (2)	2.83	1.12
6	Aktiviti akademik terlalu padat sehingga menyebabkan saya mengantuk ketika usrah	10% (3)	20% (6)	30% (9)	30% (9)	10% (3)	3.1	1.16
7	Tempoh masa pelaksanaan usrah terlalu panjang	6.7% (2)	23.3 (7)	30% (9)	33.3 (10)	6.7 (2)	3.1	1.07
8	Saya (sebagai ahli usrah) tidak dibenarkan memberi pandangan	13.3% (4)	23.3 (7)	46.7% (14)	16.7 (5)		2.67	0.92
9	Ahli usrah tidak memberikan perhatian sepenuhnya ketika usrah berlangsung	13.3% (4)	20% (6)	40% (12)	20% (6)	6.7 (2)	2.87	1.11
10	Aktiviti usrah diadakan pada waktu yang tidak sesuai	13.3% (4)	20% (6)	40% (12)	23.3 (7)	3.3 (1)	2.83	1.05
Jumlah							2.9	0.75

Sumber: dipetik dan diubahsuai dari (Jurnal Usuluddin, 2010)

Berdasarkan dapatan jadual D, peratusan keseluruhan nilai min berada di tahap sederhana. Ini bermaksud peratusan responden yang bersetuju dan tidak bersetuju adalah pada tahap yang sama atau hanya berbeza sedikit. Ini dapat dilihat secara jelas melalui peratusan nilai min. Peratusan responden yang bersetuju bahawa usrah terlalu berat (26.7%) berbanding tidak bersetuju sebanyak (23.3%), yang bersetuju bahawa usrah yang tidak bersifat semasa (30%) berbanding yang tidak bersetuju sebanyak (23.3%), yang bersetuju bahawa hubungan ahli tidak mesra (33.3%) berbanding yang tidak bersetuju sebanyak (20%). Begitu juga yang bersetuju bahawa Naqib/Naqibah yang tidak pandai menghidupkan suasana menarik ketika usrah (36.6%) berbanding yang tidak bersetuju sebanyak (26.7%). Seramai 33.3% bersetuju bahawa aktiviti usrah diadakan pada waktu yang tidak sesuai, berbanding yang tidak bersetuju seramai 26.6%.

Kesimpulan

Berdasarkan penelitian dapatan soal selidik ini, dapatlah disimpulkan bahawa berdasarkan dapatan awal kajian yang hanya melibatkan 30 orang pelajar Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring, persepsi pelajar terhadap sukatan usrah adalah berada di tahap sederhana. Walaupun dapatan pada bahagian B dan C menunjukkan nilai min pada tahap yang tinggi, namun pada bahagian C, nilai min berada pada tahap yang sederhana. Bahagian C meliputi item-item berkaitan dengan kelemahan-kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan usrah. Dengan wujudnya beberapa masalah ini, maka memerlukan kepada penambahbaikan pelaksanaan usrah.

Hasil kajian menunjukkan dapatan nilai min sederhana berkaitan dengan hubungan sesama ahli usrah. Dapatan ini seterusnya membuktikan bahawa objektif pelaksanaan usrah belum tercapai sepenuhnya, iaitu mewujudkan ukhuwah dalam usrah. Ini kerana, peranan

usrah adalah sebagai salah satu medan dalam menyatukan ukhuwah antara sesama pelajar. (Mohd Nafizul, 2016). Hasil dapatan menunjukkan respon negatif pelajar juga berkaitan peranan naqib dalam menghidupkan usrah dalam menjadikan suasana usrah lebih menarik. Pembimbing usrah (Naqib) merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam keberkesanan pelaksanaan usrah (Salini, 2009, Muhammad Nordin et al. 2011). Kajian juga mendapati bahawa salah satu punca kepada kegagalan usrah berkait-rapat dengan sikap naqib yang tidak bijak menghidupkan suasana usrah (Fakhrul Adabi, et al. 2011).

Program usrah juga tidak terlepas dari masalah yang kerap berlaku adalah pelajar yang letih dan mengantuk ketika usrah berlangsung. Ini disebabkan jadual akademik yang padat dan penekanan yang lebih diberikan kepada kecemerlangan akademik. (Fakhrul Adabi et al. 2011). Kenyataan ini disokong berdasarkan dapatan yang menunjukkan hampir keseluruhan responden bersetuju bahawa aktiviti akademik yang padat menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian ketika usrah. Di antara kelemahan yang perlu diperbaiki dalam pelaksanaan usrah termasuklah, tempoh masa dan waktu usrah yang bersesuaian.

Penambahbaikan perlu dilakukan dari masa ke semasa, ini kerana perubahan zaman dan kemajuan teknologi merentasi sempadan hari ini memerlukan kepada usaha yang lebih gigih dan pendekatan yang lebih bersifat semasa. Ini disokong oleh Muhammad Nordin et al. (2012) bahawa pendekatan aktiviti usrah haruslah dipelbagaikan supaya lebih menarik dan bersifat terkini. Pengkaji berharap agar usaha untuk menambah baik dan mempelbagaikan aktiviti dalam program usrah akan diteruskan dan mendapat sokongan yang sewajarnya dari pihak-pihak yang berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, JAKIM, YADIM, badan-badan NGO Islam dan seumpamanya. Pengkaji berharap agar pelaksanaan usrah tidak terhenti hanya di sekolah-sekolah sahaja, bahkan diteruskan di peringkat yang lebih tinggi dan menjadi program wajib di semua peringkat sektor perkhidmatan awam dan swasta di Malaysia.

Rujukan

- Ahmad Luqman Fahmi Abdul Fattah. Pemerkasaaan Jama'ah Melalui Sistem Usrah : Sorotan Terhadap Penubuhan Pertubuhan Ikram Malaysia. E- Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 15-16 Mei 2013.
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Kamarul Hazani Yusof , Ummu Hani Abu Hassan. Usrah Teras Pembangunan Insan: Tinjauan Pelaksanaannya Dalam Kalangan Para Pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah (Kisas). *Jurnal Usuluddin Universiti Malaya*, 2010
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salena Nen. 2012. Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal Of Social Sciences And Humanities, e-Bangi Vol 7. No. 1(April 2012): 084-093*
- .Mohd Hairudin Amin, Ismail Bakar, Ezad Azraai Jamsari & Wan Kamal Mujani. 2008. Peranan Sekolah Menengah Agama Rakyat dalam Melahirkan Insan Berakhlak Di Negeri Johor. <http://hiduplatansa.blogspot.my>. (30 November 2015).
- Mohd Said Muhammad Nordin, Jamil Ahmad dan Ab Halim Tamuri. 2011. Pelaksanaan Program Usrah Badar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor. 25-26 November 2011.

- Mohd Suhardi Mat Jusoh. 2015. *Pelaksanaan Program Tarbiah Dalam Kalangan Pelajar Asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Pulau Pinang*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Nasron Bin Yaacob. 2013. Biografi Hassan Al-Banna dan Sumbangannya Terhadap Pemurnian Akidah Umat Islam. *Jurnal Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)*.
- Muhammad Nordin, Jamil Ahmad & Ab Halim Tamuri. 2011. Pelaksanaan Program Usrah Badar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sheikh Haji Mohd Said. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Noor Azilah Noor Mohamed. 2015. *Solat Dan Implikasinya Dalam Membentuk Akhlak Seseorang*. Al Zuhri & UIKA Al Zuhri, Singapura UIKA, Bogor, Indonesia.
- Sai'd Ibn Ali Wahf Al-Qahtani. *Muwawwiyāt Ad-Dā'iyat An-Nājīh Fi Dhau' Al-Kitab Wa As-Sunnah: Mafhūm Wa Naẓor Wa Taṭbīq*. Menjadi Dai'e Yang Sukses. Terj: Aidil Novia. 2005. Jakarta: Qisthi Press.
- Salini Binti Mohd Salleh. 2009. *Persepsi Pelajar Terhadap Program Usrah Di SMKA (P) Al-Mashoor*. Disertasi Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sulaiman Ibrahim. 2000. Tarbiah Da'awiyah Untuk Golongan Remaja: Suatu Tinjauan Terhadap Manhaj Al-Ikhwān Al-Muslimīn. Dlm. (pnyt.). Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot. *Siri Islam dan Masyarakat: Dakwah dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Temubual Pada 7 November 2016 Bersama Ustaz Mohd Nafizul Ismail, Ketua Tarbiyyah Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman, Tok Jiring, Terengganu.